

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 20 OGOS 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	BiotechCorp jangka tiga syarikat BioNexus disenarai tahun depan	Utusan Malaysia
2	Tiga lagi syarikat BioNexus ke bursa	Berita Harian
3	BiotechCorp jangka tiga syarikat BioNexus disenaraikan tahun depan	Bernama.com
4	Malaysian biosimilar products to be sold in Asean countries	The Star
5	El Nino may be both good and bad	The Star
6	Angin kencang dijangka berterusan hingga Isnin	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 7**  
**TARIKH : 20 OGOS 2015 (KHAMIS)**

# BiotechCorp jangka tiga syarikat bionexus disenarai tahun depan

**KUALA LUMPUR 19 Ogos** - Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) menjangkakan tiga daripada 261 syarikat berstatus bionexus, akan disenaraikan di Bursa Malaysia tahun depan berbanding enam ketika ini, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd. Nazlee Kamal.

Beliau berkata, Syarikat berstatus bionexus itu akan menerima pelbagai insentif menarik, termasuk pengecualian cukai sejajar usaha menyemarakkan kelestarian pembangunan bioteknologi negara.

Menurutnya, dua syarikat itu terbabit dalam industri kesejahteraan diri manakala satu lagi syarikat bio-pertanian.

"Kesemua syarikat itu sedang membuat persiapan bagi Tawaran Awam Permulaan (IPO). Namun mereka akan hanya ke arah (penyenaraian) itu tahun depan kerana menunggu persekitaran pasaran yang lebih baik," katanya dalam majlis penutup Pameran dan Persidangan BioMalaysia dan ASEAN Bioeconomy 2015, di sini hari ini.

Mohd. Nazlee berkata, salah satu syarikat bionexus, BioAlpha Holdings Bhd., juga terlebih langganan sebanyak 32.19 kali pada harga tawaran awal sebanyak 20 sen ketika penyenaraian pada April lepas.

Sehubungan itu, tambahnya,

BiotechCorp berharap tiga syarikat itu akan mengulangi kejayaan IPO berkenaan dan agensi itu akan membantu usaha berkenaan selain mempromosikannya dalam kalanngan pelabur.

Mengulas peranan BiotechCorp untuk meningkatkan bioekonomi serantau, beliau berkata, agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi itu akan bekerjasama dengan Laos dan Kemboja bagi tujuan promosi industri itu.

Menurutnya, Malaysia juga bersempena membantu Laos yang berminat mendalami industri kesejahteraan diri manakala Kemboja mahu menyalami aspek perolehan tenaga dari pada biojisim industri kelapa sawit.

"Pameran tiga hari itu yang dijangka disertai sehingga 7,000 pengunjung, mengetengahkan pelbagai teknologi terbaharu, inovasi dan produk 70 syarikat daripada pelbagai negara termasuk Singapura, India, Bahrain, Amerika Syarikat, Jerman, Kuwait, Iran, Thailand serta Malaysia sebagai negara tuan rumah," katanya.

Sementara itu, Biocareer yang turut dianjurkan bersempena pameran itu, dapat menarik seramai 358 pengunjung manakala portal BioKerjaya menerima sejumlah 124 permohonan kerja daripada lulusan sains dan bioteknologi. - BERNAMA



**Syarikat berstatus bionexus itu akan menerima pelbagai insentif menarik, termasuk pengecualian cukai sejajar usaha menyemarakkan kelestarian pembangunan bioteknologi negara."**

**MOHD. NAZLEE KAMAL**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
BiotechCorp





“  
Agensi di bawah  
MOSTI sentiasa  
memberi  
bantuan dengan  
mempromosikan  
syarikat bersandarkan  
keupayaan pasaran  
bioteknologi  
yang ingin  
disenaraikan  
kepada pelabur  
berpotensi”

**Mohd Nazlee Kamal,**  
Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian  
Biotechnology Corporation

# Tiga lagi syarikat BioNexus ke bursa

» **BiotechCorp sasar 500 firma disenarai menjelang tahun 2020**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
[zaky@bh.com.my](mailto:zaky@bh.com.my)

**M**alaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) menjangkakan tiga lagi syarikat BioNexus akan disenaraikan di pasaran saham tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata penyeraian tiga syarikat berkenaan iaitu dua daripada industri kesejahteraan dan satu (pertanian) bakal menjadikan keseluruhan sembilan syarikat BioNexus sebagai syarikat senaraian awam.

Katanya, ketiga-tiga syarikat berkenaan sebenarnya sudah bersedia untuk disenaraikan tahun ini, namun berdasarkan situasi pasaran yang mencabar dan tidak menentu,

mereka menangguhkan hasrat itu.

“Kita harap tahun depan pasaran ekuiti kembali stabil dan membuka ruang kepada syarikat BioNexus membuat penampilan di pasaran saham,” katanya selepas majlis penutup Pameran BioMalaysia & BioEkonomi ASEAN 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

Setakat ini, enam syarikat BioNexus sudah disenaraikan di Bursa Malaysia, Australia dan London iaitu Bioalpha Holdings Bhd, StemLife Bhd, Malaysian Genomics Resource Centre Bhd, Sunzen Biotech Bhd, Holista Biotech dan PureCircle Ltd.

## Pendedahan kepada pelabur

Mengulas peranan BiotechCorp, Nazlee berkata, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa memberi bantuan dengan mempromosikan syarikat bersandarkan keupayaan pasaran bioteknologi yang ingin disenaraikan kepada pelabur berpotensi.

“Kami sentiasa memberi pendedahan kepada pelabur berpotensi mengenai syarikat BioNexus dan unjuran pasaran bioteknologi bagi menarik minat mereka melabur dalam syarikat berkenaan.

“Ketika ini, BiotechCorp mempunyai 261 syarikat BioNexus dan kami menyasarkan untuk menambah bilangan ini kepada 500 syarikat menjelang tahun 2020,” katanya.

Mengenai Dana Pengkomersialan Bioteknologi (BCF) berjumlah RM30 juta yang diumumkan Menteri Sains, Teknologi dan Inovatif, Datuk Madius Tangau, beliau berkata, dana berbentuk pinjaman mudah dan geran itu bakal dimanfaatkan oleh sekurang-kurangnya 10 syarikat bioteknologi mulai tahun depan.

“BCF adalah berbentuk pinjaman berjumlah RM2 juta dan geran RM1 juta untuk disalurkan kepada syarikat pemula dan berstatus pertengahan untuk mengkomersialkan produk mereka,” katanya.

Sementara itu, Pameran BioMalaysia & BioEkonomi ASEAN 2015 yang memasuki edisi ke-13 dan berakhir semalam, menerima kira-kira 7,000 pengunjung sepanjang tiga hari acara itu berlangsung.

Sebanyak 70 syarikat mengisi 80 tapak pameran dengan lapan daripadanya adalah firma dari Singapura, India, Bahrain, Amerika Syarikat, Jerman, Kuwait, Iran dan Thailand.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 20 OGOS 2015 (KHAMIS)**



## **BiotechCorp Jangka Tiga Syarikat Bionexus Disenaraikan Tahun Depan**

KUALA LUMPUR, Aug 19 (Bernama) -- Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) menjangkakan tiga daripada 261 syarikat berstatus bionexus, akan disenaraikan di Bursa Malaysia tahun depan berbanding enam ketika ini, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Nazlee Kamal.

Syarikat berstatus bionexus itu akan menerima pelbagai insentif menarik, termasuk pengecualian cukai sejajar usaha menyemarakkan kelestarian pembangunan bioteknologi negara.

Menurutnya, dua syarikat itu terbabit dalam industri kesejahteraan diri manakala satu lagi syarikat bio-pertanian.

"Kesemua syarikat itu sedang membuat persiapan bagi Tawaran Awam Permulaan (IPO). Namun mereka akan hanya ke arah (penyenaraian) itu tahun depan kerana menunggu persekitaran pasaran yang lebih baik," katanya pada majlis penutup Pameran dan Persidangan BioMalaysia dan Asean Bioeconomy 2015, di sini, Rabu.

Mohd Nazlee berkata, salah satu syarikat bionexus, BioAlpha Holdings Bhd, juga terlebih langganan sebanyak 32.19 kali pada harga tawaran awal sebanyak 20 sen ketika penyenaraianya pada April lepas.

Sehubungan itu, BiotechCorp berharap tiga syarikat itu akan mengulangi kejayaan IPO berkenaan dan agensi itu akan membantu usaha berkenaan selain mempromosikannya dalam kalangan pelabur, katanya.

Mengulas peranan BiotechCorp untuk meningkatkan bioekonomi serantau, beliau berkata agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi itu akan bekerjasama dengan Laos dan Kemboja bagi tujuan promosi industri itu.

Menurutnya, Malaysia juga bersedia membantu Laos yang berminat mendalam industri kesejahteraan diri manakala Kemboja mahu menyelami aspek perolehan tenaga daripada biojisim industri kelapa sawit.

Pameran tiga hari itu yang dijangka disertai sehingga 7,000 pengunjung, mengetengahkan pelbagai teknologi terbaharu, inovasi dan produk 70 syarikat daripada pelbagai negara termasuk Singapura, India, Bahrain, Amerika Syarikat, Jerman, Kuwait, Iran, Thailand serta Malaysia sebagai negara tuan rumah.

Sementara itu, Biocareer yang turut dianjurkan bersempena pameran itu, dapat menarik seramai 358 pengunjung manakala portal BioKerjaya menerima sejumlah 124 permohonan kerja daripada lulusan sains dan bioteknologi.

**KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NEWS) : MUKA SURAT 06  
TARIKH: 20 OGOS 2015 (KHAMIS)**

## Malaysian biosimilar products to be sold in Asean countries

**By P. ARUNA**

aruna@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Inno Bio Ventures Sdn Bhd and Aryogen Biopharma have sealed a partnership to market and distribute four biosimilar products at affordable prices among Asean countries.

Following a memorandum of understanding inked on Tuesday, the companies have exclusive rights to market the locally-made biosimilar drugs in Vietnam, Philippines,

Myanmar, Laos and Cambodia.

Inno Bio, in a statement, said patients in these countries struggled to gain access to these drugs due to its high cost.

Its president Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie said the market value for the four originator products in the five countries in 2013 was between RM90mil and RM100mil.

"The biosimilar drugs are expected to be offered at a 30% to 40% lower price", he said.

The four products are the Rituximab for treatment of non-Hodgkin lymphoma, rheu-

matoid arthritis, chronic lymphocytic and leukemia; Trastuzumab for HER2-positive breast cancer; Etanercept for rheumatoid arthritis, psoriatic arthritis, psoriasis and ankylosing spondylitis; and Factor VII for haemophilia and congenital factor VII deficiency.

The companies sealed the partnership during the opening ceremony of the BioMalaysia and Asean Bioeconomy 2015 Conference and Exhibition at Putra World Trade Centre here.

The collaboration between Inno Bio and Aryogen Biopharma for the development,

production and commercialisation of the four biosimilar drugs was announced in December.

Innobio said it would focus on research and development of new products, while marketing would be handled by AJ Research & Pharma.

"These countries have good population and huge potential. Also, we have high-technology based products that are not easy to produce," said AJ Research & Pharma Sdn Bhd chief executive Javed Ghulam Mohammad.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 20 OGOS 2015 (KHAMIS)**

## El Nino may be both good and bad

Weather phenomenon likely to cause dry spell but also lessen flood woes

**By RAZAK AHMAD  
and DESIREE TRESA GASPER**  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** This year's El Nino weather phenomenon could be the strongest in over half a century but it may turn out to be a mixed blessing for Malaysia.

Climate expert Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah said less rainfall due to El Nino could affect the Klang Valley's water woes and padi planting in Kedah.

However, it may also lessen the chances of severe year-end floods in states such as Kelantan and Pahang.

"In some ways the effect could be positive for us," said Azizan, who is

the director of the University of Malaya's National Antarctic Research Centre.

Last week, the United States National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) said this year's El Nino, which began in March and is forecast to last for about a year, could be the worst in 65 years.

El Nino is an irregular weather phenomenon which causes sea temperatures in the equatorial Pacific Ocean to rise, leading to unusually heavy rains in some parts of the world and drought elsewhere.

The last extreme El Nino took place in 1997-98, causing the hottest year on record as well as floods, cyclones, droughts and huge dam-

age to food production.

Azizan said lower rainfall had decreased water levels at rivers such as Sungai Johor, causing a month-long scheduled water distribution exercise in some areas in Johor Baru and Kota Tinggi.

On whether El Nino could lead to dry taps in the Klang Valley, Azizan said the current water woes in the area was due to a low reserve margin for treated water, not a looming shortage of raw water supply.

A strong El Nino could cause water levels in Selangor rivers to drop, which could aggravate serious reserve margin problems but the earliest this might happen was during the dry season in February next year, he said.

In Kedah, very low rainfall early next year could affect the planting season in March, but Malaysia will not be the only country at risk.

A drought in northern Australia, for example, may affect soybean and wheat harvests.

The potential effects of a strong El Nino on Malaysia are not all negative, though.

The risk of massive flooding in north-eastern peninsular Malaysia could be lower with less than usual rainfall during the year-end period.

"In the event that soybean harvests in countries such as Australia are hit, Malaysian palm oil, which is an alternative product, could stand to gain," said Azizan.

Meteorological Department National Weather Centre senior meteorologist Dr Hisham Mohd Anip said there were already signs of significantly reduced rainfall in the past few months.

He said the people of Sabah and Sarawak would be the first to feel the impact of the El Nino as the states were located closer to the Pacific Ocean.

"The rainfall in Kudat, Kota Kinabalu, Tawau and several areas in Sarawak has dropped by more than 50%," he said.

Hisham said the department was providing regular El Nino updates to state-level officials to help them prepare in the event that the situation worsened.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 20 OGOS 2015 (KHAMIS)**



## **Angin Kencang Dijangka Berterusan Hingga Isnin**

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora diramal berlaku di kawasan perairan Sabah iaitu di Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat yang dijangka berterusan bermula esok sehingga Isnin ini.

**Jabatan Meteorologi** dalam kenyataan Rabu berkata angin itu berkelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam (km/j) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

"Situasi angin kencang dan laut bergelora ini amat berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi, dan sukan laut," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, angin kencang barat daya dengan kelajuan 40-50km/j dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter di kawasan perairan Sulu, Palawan, Condore, Reef North, Layang-layang dan Labuan dijangka berlaku dalam tempoh yang sama.

Keadaan ini berbahaya untuk kepada bot kecil dan aktiviti laut, menurut jabatan itu.

--BERNAMA